

Dakwaan minyak sawit haram

Iran tidak mirau kempen

KUALA LUMPUR, Khamis — Iran akan terus membeli minyak sawit Malaysia walaupun ada laporan akhbar Barat yang mendakwa minyak itu haram dimakan oleh orang Islam.

Sambil menyifatkan khabar angin itu sebagai sabotaj terhadap bahan makanan itu, Menteri Hal-Ehwal Ekonomi dan Kewangan Iran, Enck Mohammad Djavad Irvani, berkata:

"Kami tidak bimbang dengan laporan akhbar sedemikian. Malahan, Iran sudah memberi perasetujuan kepada kerajaan Malaysia untuk meningkatkan jumlah import minyak sawit."

Katanya, tindakan menyebarkan khabar angin seperti itu adalah perbuatan "kebudak-budakan dan hanya pentingkan diri sendiri". Khabar angin itu tidak benar. Ia disebarkan oleh mereka yang mengaku mengenai Islam tetapi sebenarnya tidak tahu langsung mengenainya," katanya kepada pemberita selepas menandatangani memorandum persefahaman di antara Iran dan Malaysia di Wisma Putra di sini hari ini.

Memorandum itu menandakan hubungan ekonomi, saintifik, industri dan teknikal secara rasmi di antara kedua-dua negara.

Enck Mohammad Djavad percaya laporan itu timbul berikutan tindakan kerajaannya membatalkan larangan mengimport minyak sawit tahun lalu.

Menurutnya, Iran menambah import minyak sawit Malaysia sebanyak 25,000 tan metrik tahun lalu. Setakat ini, Iran sudah membeli lebih 60,000 tan metrik minyak sawit Malaysia. Minggu lalu, Menteri Kewangan, Datuk Paduka Daim Zainuddin berkata Malaysia berpotensi mengeksport 700,000 tan metrik minyak sawit ke Iran.

Mengenal pembangunan semula ekonomi Iran selepas perang Iran-Iraq, Enck Mohammad Djavad berkata, keutamaan diberi kepada pembinaan semula loji penapisan minyak yang musnah dalam peperangan dan industri kimianya.

Katanya, pelabur dari negara Islam akan diberi keutamaan menyertai proses pembangunan semula ekonomi negaranya.

Sebelum itu, Enck Mohammad Djavad mengunjungi Timbalan Perdana Menteri, Enck Ghafar Baba, di pejabatnya di sini. Dalam pertemuan itu, beliau meminta Malaysia mengguna-

Oleh **HISHAMUDDIN AUN** dan **DEANNA YONG**

kan kedudukannya sebagai anggota Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Beratu bagi membantu menyelesaikan konflik negara itu dengan Iraq.

Dalam taklimat kepada pemberita selepas pertemuan 30 minit itu, Setiausaha Sulit Kanan kepada Timbalan Perdana Menteri, Enck Othman Baba, berkata Enck Mohammad Djavad memberitahu Enck Ghafar mengenai perkembangan konflik Iran-Iraq dan perlunya keamanan dicapai.


Katanya, Enck Ghafar pula menyatakan hasrat Malaysia yang ingin melihat semua negara Islam berbaik-baik.

Dengan cara itu, katanya, Enck Ghafar berharap ketua-tar negara Islam dapat ditonjolkan di peringkat antara-bangsa untuk diteladani negara lain.

Menurutnya, Enck Ghafar juga mengucapkan terima kasih kepada Iran atas perasetujuannya untuk membeli minyak sawit dari negara ini.

Menurut Enck Othman, Enck Ghafar menagaskan bahawa kempen memburuk-burukkan minyak sawit yang dijalankan oleh Persatuan Kaang Soya Amerika Syarikat, adalah fitnah semata-mata.

Katanya, Enck Mohammad Djavad juga mengunjungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mendesak agar beliau segera sem-



ENCK Ghafar Baba menerima kunjungan Menteri Hal-Ehwal Ekonomi dan Kewangan Iran, Enck Mohammad Djavad Irvani (kanan) di pejabatnya semalam.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Minggu

Rahsia
lagu
P Ramlee

KITA tahu kebanyakan lagu Seniman Agung P Ramlee mempunyai latar belakang pelbagai kisah menguis jiwanya. Berita Televido akan memaparkannya satu persatu, bermula Ahad ini, dengan kerjasama S Sudarmaji, yang menulis lirik kebanyakan lagu itu.